

3,000 keluarga bakal nikmati kemudahan penjagaan kesihatan percuma

Hospital pakar atas tanah wakaf

KOSMO 23/6/2023 K/S: 38

KUALA LUMPUR – Pembangunan tanah wakaf adalah salah satu instrumen yang penting dalam pembangunan ekonomi negara dan segmen tersebut telah diketengahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pembentangan Belanjawan 2023 pada Februari lalu.

Projek pembangunan tersebut boleh membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan membentuk ekosistem yang memberi manfaat bukan sahaja kepada perniagaan, tetapi juga untuk masyarakat.

Bagaimanapun, pelaksanaannya tidak begitu memberangsangkan dan sehingga kini, dianggarkan hanya 12 peratus atau 3,500 hektar tanah wakaf telah dibangunkan.

Dalam menerajui usaha berkenaan, Kencana Healthcare Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat bertujuan khas antara Bintang Kencana Sdn. Bhd. (Bintang Kencana) dan Perbadanan Islam Johor telah menandatangani memorandum kerjasama strategik bersama tiga organisasi untuk pembangunan sebuah hospital pakar bertempat di 2.19 hektar tanah wakaf di Bandar Baru Uda, Johor Bahru pada Selasa lalu.

Tiga syarikat itu adalah MYANGKASA Holdings Sdn. Bhd., Citic Hyperion Strategic Ltd. dari China dan CRCC Malaysia Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif Bintang Kencana, Datuk Ahmad Raziff Abu Bakar berkata, pembangunan hospital berkenaan,

حلال
Halal
Niaga



AHMAD RAZIFF (empat dari kanan) menunjukkan dokumen perjanjian strategik yang ditandatangani pada majlis yang turut dihadiri Ahmad Maslan (tengah) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

yang pertama seumpamanya di negara ini melibatkan kos pembinaan RM280 juta, tidak termasuk peralatan kesihatan dan anggaran kos pembangunan keseluruhannya adalah hampir RM500 juta.

"Hospital dengan 300 katil dan 50 suite perunding pakar ini akan memfokuskan kepada penjagaan jantung serta *cardiothoracic* untuk menjadi fasiliti ketiga di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan sedemikian di samping Institut Jantung Negara dan Hospital CVSKL.

"Kekangan utama dalam pem-

angunan hospital ini, yang dijangka siap pada 2025 seperti pembiayaan serta kelulusan pembinaan telah pun diatasi dan kami kini hanya dalam proses memuktamadkan operator untuk hospital ini sahaja sama ada daripada badan kerajaan atau swasta.

"Saya yakin ia bakal dimuktamadkan dalam masa terdekat," katanya pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama semalam yang turut disaksikan oleh Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Ahmad Raziff menambah, pembangunan hospital berkenaan turut menjana sumber pendapatan baharu bagi Tabung Wakaf Rakyat Johor dan Perbadanan Islam Johor menerusi agihan dividen dan pajakan tanah.

Selain itu, penukaran hibah kepada kad perubatan yang bakal diberikan kepada 3,000 keluarga daripada golongan sasar yang akan dikenal pasti oleh Majlis Agama Islam Johor turut memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling yang kurang mampu untuk mendapatkan rawatan di

hospital berkenaan.

"Tanah wakaf ini berpotensi untuk dibangunkan kerana terletak di kawasan kediaman matang dengan lebih 28,000 penduduk dalam jarak radius satu kilometer. Sementara dalam jarak lima kilometer, terdapat kira-kira 250,000 individu bermastautin di kawasan berkenaan.

"Akses mudah kepada rangkaian jalan raya utama di Johor Bahru dan lebuh raya turut menjadikannya sesuai untuk warga negara jiran seperti Singapura dan Indonesia," jelasnya.